

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 12 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 06

Bomba tangani tiga kebakaran hutan

JOHOR BAHRU 11 Sept. - Kebakaran hutan berskala besar di tiga daerah di negeri ini berjaya ditangani Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dengan menggerakkan aset sedia ada serta dibantu agensi berkaitan lain.

Pengarah JBPM Johor, Datuk Yahaya Madis berkata, kebakaran hutan di Muar melibatkan kawasan seluas 20 hektar berjaya

dipadamkan sebanyak 60 peratus manakala 12 hektar kawasan hutan di Pontian sudah dipadamkan sebanyak 70 peratus.

"Bagi kebakaran hutan di Pontian membabitkan kawasan ladang dan tanah persendirian, usaha pemadaman sudah diambil alih oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana daerah yang diketuai oleh pegawai daerah.

"Selain itu, operasi mem-

adamkan kebakaran di Gelang Patah sudah ditamatkan. Kebakaran kecil yang berlaku di kawasan itu kini ditangani oleh Balai Bomba dan Penyelamat Iskandar Puteri," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas selesai Majlis Ikrar Bebas Rasuah bagi Pegawai JBPM Johor di Ibu pejabat JBPM Johor, di sini hari ini.

Dalam pada itu, Yahaya

mengingatkan orang ramai tidak membuat pembersihan kawasan dan kebun dengan cara pembakaran kerana dikhuatiri boleh mencetuskan kebakaran yang besar dan mencemarkan udara di sekeliling.

"Dalam tempoh dua minggu ini kebelakangan ini, beberapa kawasan terutamanya di bandar raya ini tidak menerima hujan," katanya.